

Malaysia tawar bantuan kewangan kepada Lubnan

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI**
hafiz.yusoff@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Malaysia bersedia menyalurkan bantuan kewangan kepada Lubnan dalam usaha membantu mangsa terkesan akibat serangan Israel.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata demikian kepada rakan sejawatnya dari Lubnan, Najib Mikati ketika pertemuan di Riyadh, Arab Saudi sebelum Sidang Kemuncak Luar Biasa Negara Arab-Islam.

“Dalam pertemuan ini, saya nyatakan sokongan berterusan Malaysia terhadap Lubnan yang kini berdepan kegilaan rejim Zionis Israel.

“Malaysia juga terkesan secara langsung dengan ketegangan di Lubnan susulan insiden serangan Israel. Serangan itu turut mengakibatkan enam anggota Pasukan Batalion Malaysia (Malbatt) yang menyertai misi Pasukan Interim



Anwar turut mencadangkan mana-mana negara yang tidak mahu mengiktiraf resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) disingkirkan daripada badan dunia itu.”

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIFIL) tercedera,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Anwar kini dalam rangka lawatan ke Riyadh, bagi menghadiri Sidang Kemuncak Luar Biasa Negara Arab-Islam.

Beliau dijangka membawa

usul menghentikan kekejaman Israel terhadap Palestin dan menyampaikan suara serta harapan negara di pentas antarabangsa.

Anwar turut mencadangkan mana-mana negara yang tidak mahu mengiktiraf resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) disingkirkan daripada badan dunia itu.

Tanpa menyebut nama negara tetapi merujuk kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin di Gaza, Perdana Menteri berkata, mengusir negara tersebut adalah satu-satunya pilihan yang ada.

“Kita berdepan dengan situasi yang kompleks kerana penolakan Israel untuk memberikan bantuan kemanusiaan sehingga berlaku pembunuhan beramai-ramai di Gaza.

“Kita telah mengambil pendirian sangat tegas dalam hal ini untuk membantah dengan serius. Sebenarnya saya telah mengemukakan idea bahawa apabila sesebuah negara me-

nolak untuk mengiktiraf peraturan atau resolusi Majlis Keselamatan PBB, satu-satunya pilihan adalah menyingkirkan mereka dari PBB.

“Ada pandangan yang perlu dipertimbangkan, tetapi saya faham betapa kompleksnya situasi ini kerana seperti yang Presiden (El-Sisi) katakan, keutamaan beliau adalah untuk menghentikan permusuhan,” katanya dalam sidang akhbar bersama Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi selepas pertemuan dua hala di Istana Al-Ittihadiya, Kaherah, Mesir, kelmarin.

Terdahulu, Anwar mengadakan kunjungan hormat ke atas El-Sisi sempena lawatan rasmi empat harinya ke Mesir bermula Sabtu.

Beliau turut mewakili rakyat Malaysia mengucapkan terima kasih kepada Presiden dan rakyat Mesir atas bantuan mereka dalam memastikan penghantaran bantuan kemanusiaan Malaysia kepada Palestin di Gaza berjalan lancar.